



PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

KLINIK PESAKIT LUAR & KECEMASAN



PENYAKIT KRONIK (DM & HIPERTENSI)



KLINIK TIBI & METHADON

Tuberculosis adalah penyakit berjangkit. Pesakit akan makan ubat di bawah pengawasan selama 6 bulan atau sembuh. Penagih dadah yang ketagihan heroin boleh dapatkan bantuan dari Klinik Methadone sebagai gantikan



PENJAGAAN KESIHATAN PRIMER

Perkhidmatan lain yang disediakan

- Saringan Faktor Risiko Remaja, Dewasa, Warga tua
- Rawatan Susulan Penyakit Mental
- Saringan HIV Bakal Pengantin
- Klinik Berhenti Merokok
- Saringan Kardiovaskular
- Self Monitoring Wt & BP

PERKHIDMATAN KESIHATAN IBU & ANAK



Perkhidmatan yang disediakan

- Jagaan kepada ibu-ibu semasa mengandung dan selepas bersalin.
- Pemeriksaan payu dara dan pap smear untuk mengesan barah
- Suntikan imunisasi kepada bayi, murid sekolah & ibu semasa mengandung
- Program kesihatan sekolah
- Lawatan ke rumah

PERKHIDMATAN SOKONGAN



MAKMAL KLINIKAL PATOLOGI

- Ujian Haematologi * Mikrobiologi
- Ujian Biokimia * Serologi

FARMASI



Perkhidmatan yang disediakan

- SPUB (Sistem Pendispensan Ubat Bersepadu)
- Kaunseling ubat-ubatan
- Dibuka mulai jam 7.30pg—5.30 ptg

Perkhidmatan Kaunseling makanan yang diberi oleh Pegawai Sains Pemakanan

Mengapa perlunya amalan pemakanan yang baik ?

- Untuk memperolehi zat-zat makanan yang perlu untuk mencapai kesihatan yang unggul.
- Mengawal paras gula dalam darah.
- Mencapai dan mengekalkan berat badan yang sesuai.
- Mengelak atau melambatkan kesan komplikasi Diabetis



KK Sg Mati Sebagai Institusi Latihan Paramedik (Penolong Pegawai Perubatan & Jururawat)

Disamping memberikan perkhidmatan kepada pelanggan, Klinik Kesihatan Sungai Mati juga merupakan salah sebuah fasiliti kesihatan yang dipilih menjadi institusi latihan untuk Kementerian Kesihatan Malaysia..Infrastruktur yang lengkap untuk latihan seperti sebuah Dewan yang dikenali sebagai Dewan Sinar Budi yang boleh menampung 100 orang peserta pada satu masa. Dewan ini dilengkapi dengan Alat Penghawa Dingin, LCD Projektor serta PA Sistem dan rangkaian internet tanpa wayar. Di Unit Pesakit Luar dimana Paramedik Pelatih menjalani latihan klinikal disediakan kelengkapan yang moden seperti Vital Signs Monitor , SPO2, Digital Macroview Otoscope dan komputer. Pendaftaran pesakit luar adalah menggunakan Sistem Barcode.. Manakala Makmal Klinikal pula dilengkapi dengan mesin Biochemistry, FBC, Microalbumin dan lain-lain ujian.



EXPANDED SCOPE :Aktiviti Kelab Usia Emas; Dapur Sihat Masyarakat; Sukarelawan & Panel Penasihat Kesihatan


KK Sg Mati juga adalah merupakan sebuah klinik yang terkenal di daerah Ledang di mana terdapat penglibatan yang aktif komuniti setempat. Antaranya terdapat Kelab Usia Emas, Dapur Sihat Masyarakat dan Sukarelawan yang bergerak dibawah payung Panel Penasihat Kesihatan.



Rehabilitasi Di Dewan Jati Kasih



Perkhidmatan Pergigian



Klinik Kesihatan SgMati, Ledang, Johor



Pengenalan

Klinik Kesihatan Sg.Mati dibina pada tahun 1957 dan upacara perasmianya dilakukan oleh Tan Sri Lee Siok Yew Menteri Kesihatan Malaysia pada hari Khamis 16hb Ogos 1973. Dari aspek pencapaian KK Sg Mati pernah menjadi Johan Kebangsaan Klinik Indah & Ceria 1998. Menyandang Naib Johan KMK Peringkat Negeri Johor 1994 & 1995. Naib Johan Anugerah Perkhidmatan Kaunter 2011. Tempat kedua dalam Pertandingan Inovasi & Kreatif 2012



Kini fokus Kementerian Kesihatan menjadi lebih luas terutamanya dalam menyediakan kemudahan kesihatan yang saksama, mudah diperolehi dan berkualiti.

Perkembangan ini selaras dengan perubahan corak kesihatan persekitaran, pembangunan teknologi kesihatan globalisasi dan liberalisasi mengikut corak perubahan penyakit, kesihatan persekitaran dan perkembangan teknologi di peringkat dunia.

Telefon : 06-9751054
Fax : 06-9751054